

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HMT 301 Morfologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

1. (i) Jelaskan konsep penyebaran saling melengkapi dalam penyumpah dan pengayuh.

[5 markah]

- (ii) Terangkan istilah morfem bebas dan morfem terikat menggunakan perkataan berlikam.

[5 markah]

- (iii) Jelaskan prinsip di bawah menggunakan kebas [kəbas] dan mangga [māŋga].

[5 markah]

Bentuk yang homofon tetapi mempunyai makna yang berbeza adalah tergolong ke dalam morfem yang berlainan.

- (iv) Jelaskan istilah ‘aglutinatif’ menggunakan bertuam dan mengubat.

[5 markah]

- (v) Huraikan dengan jelas konsep penaungan dan perkolasii menggunakan mengebumikan.

[5 markah]

2. (i) “[Dalam] tatabahasa Melayu, sebenarnya tidak ada kategori jantina” (Tatabahasa Dewan, 1933, 290). Menggunakan data (a-d), bincangkan kenyataan ini. Pastikan anda gunakan fitur morfologi genus dalam perbincangan anda.

- (a) seniwati & seniman
- (b) ibu & bapa
- (c) ? hartawati & hartawan
- (d) pelajar

[5 markah]

(ii) Huraikan konsep ketransitifan dengan menggunakan data (e-i).

- (e) berlanggar
- (f) melanggar
- (g) melanggari
- (h) terlanggar
- (i) dilanggar

[5 markah]

(iii) Tunjukkan bagaimana (j-m) boleh dibahagikan kepada dua golongan kata

- (j) terang
- (k) tinggi
- (l) segera
- (m) kelmarin

[10 markah]

(iv) Tunjukkan perbezaan dan persamaan morfem ke dalam (n-o).

- (n) keluar
- (o) ke luar

[5 markah]

3. Kenalpasti dan huraikan proses pembentukan kata dalam data (a-l).

- (a) televisyen
- (b) operasi
- (c) kerjasama
- (d) perdana menteri
- (e) menjajahi
- (f) dijajah
- (g) jajahan
- (h) jelajah
- (i) budak-budak
- (j) bukit-bukau
- (k) PLUS
- (l) pawagam

[25 markah]

4. Tunjukkan kurungan berlabel, rajah pohon dan rumus morfonemik untuk (a-l).

- (a) bekerja
 - (b) penutup
 - (c) tertipu
 - (d) penyair
 - (e) mengatur
- (*) Data diambil dari *Kamus Dewan* (1989) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1996).

[25 markah]